

28 APR 2001

MUSTAPA-KAWALAN

KELEMAHAN MATA WANG RANTAU ASIA TIDAK BOLEH DIKAITKAN DENGAN RINGGIT

MELAKA, 28 April (Bernama) -- Penasihat Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) Datuk Mustapa Mohamad hari ini berkata kelemahan beberapa mata wang lain di rantau ini tidak boleh disamakan dengan Ringgit Malaysia.

"Kelemahan mata wang mereka adalah disebabkan ekonomi negaranya lemah sedangkan ekonomi kita telah dipulihkan dan dijangka naik pada tahun ini," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Seminar Kesedaran Pengguna di sini.

Beliau berkata penetapan kadar Ringgit pada 3.80 bagi setiap dolar AS itu adalah sesuai dan mampu dipertahankan kerana ia baik untuk Malaysia dan rakyat negara ini.

"Kita telah menambat Ringgit pada 3.80 sejak tahun 1998 lagi dan akhir-akhir ini timbul persoalan adakah pengekalan kadar itu relevan atau tidak, kita katakan ia sesuai dengan iklim ekonomi Malaysia," katanya.

Beliau berkata kelembapan ekonomi dunia terutamanya yang berlaku di Amerika Syarikat akan turut dirasai kesannya oleh Malaysia tetapi ia hanya sedikit memandangkan kerajaan telah memperkenalkan pelbagai langkah untuk mengatasi masalah itu.

"Pada 7 Mac lepas, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri telah mengumumkan pelbagai langkah persediaan untuk mengatasi masalah kelembapan ekonomi Amerika Syarikat bagi memastikan ekonomi negara tidak teruk," katanya.

Mustapa yang juga bekas Menteri Kewangan II berkata masalah kegawatan ekonomi yang melanda negara ini pada tahun 1998 tidak boleh disamakan dengan keadaan sekarang kerana ketika itu tiada kawalan terhadap Ringgit yang menyebabkan mata wang itu menghadapi turun naik harga.

"Apabila kita tetapkan kadar Ringgit pada 3.80, ia adalah untuk mengelakkan mata wang itu daripada terus turun naik dan kini ia kekal untuk memastikan ekonomi negara tidak merosot," katanya.

Menurutnya kerajaan telah berjaya menguruskan ekonomi negara dengan cekap. -- BERNAMA

SBS OS